

03/12/1997

Lima sedia generasi pewaris bidang aeroangkasa

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DERUMAN bunyi pesawat supersonik di ruang angkasa dan belahan ombak perairan Langkawi sekali lagi menjadikan pulau pelancongan ini tumpuan dunia, khususnya mereka yang terbabit dalam industri aeroangkasa dan maritim.

Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam - kali keempat sejak 1991.

Pertambahan sehingga 900 peserta kali ini membuktikan Lima mengalami pertumbuhan hebat sehingga muncul sebagai antara lima pameran udara terbesar dunia selepas Farnborough Airshow, Paris Air Show dan Asia Defence Singapore.

Kehadiran lebih banyak peserta, pertambahan bilangan pesawat dan keluasan tapak pameran turut membolehkan Lima '97 menduduki tangga keempat mengatasi Dubai Air Show.

Persoalannya, sejauh manakah keberkesanan Lima terhadap perkembangan dan pertumbuhan industri penerbangan dan maritim negara? Jawapannya, sejak Lima '91 hingga Lima '97, negara mengalami perubahan besar dalam kedua-dua bidang itu.

Minat rakyat, khususnya kalangan remaja dalam bidang penerbangan dan pelayaran makin meningkat dengan penubuhan banyak kelab penerbangan pesawat ringan dan penyertaan perlumbaan bot.

Syarikat tempatan juga maju setapak dengan pembabitan dalam sektor pengeluaran pesawat dan kelengkapannya, seperti SME Aviation Sdn Bhd (SMEav), Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB).

Selain itu, Lima kini menjadi sebutan bukan saja di kalangan orang dewasa, malah kanak-kanak dan remaja yang tahu banyak perkara mengenai pameran itu menerusi akhbar dan televisyen.

Perkembangan ini adalah sesuatu yang positif kerana ia menunjukkan mereka mempunyai minat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kapal terbang, kapal atau bot.

Golongan ini yang juga menjadi pewaris negara diharap menjadi ahli perniagaan dan korporat bagi meneruskan kesinambungan yang sedang dimajukan oleh usahawan sedia ada.

Pada tahun 2020, iaitu selepas setahun Lima ke-15 pada tahun 2019 diharap kanak-kanak dan remaja ini pula menerajui pameran dengan mempamerkan bukan saja pesawat ringan atau peralatannya, tetapi pengeluar pesawat supersonik ketenteraan dan pesawat perdagangan serta kapal selam dan kapal penggempur untuk kegunaan negara lain.

Apabila harapan ini menjadi kenyataan baru kita boleh berbangga sepenuhnya dengan Lima dan sekali gus terbukti keberkesanan pameran yang diadakan sekali setiap dua tahun.

(END)